

UMS pastikan pelajar nikmati pembelajaran seiring keperluan industri

NST 7.9.2019 3

SANDAKAN: Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa berusaha memastikan para pelajar menikmati setiap detik pembelajaran di UMS serta mempersiapkan mereka selaras dengan keperluan industri, kelmarin.

Naib Canselornya Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin berkata perkara itu antara keutamaan pihak universiti seperti yang terkandung dalam Bidang Keberhasilan Utama (KRA), Pelan Strategik UMS 2018-2022

iaitu meningkatkan pengalaman holistik pelajar.

"Kita mahu menjana graduan yang lebih berkualiti sekali gus menjadi universiti yang mempunyai kebolehpasaran graduan yang tinggi.

"Justeru, adalah menjadi harapan UMS agar setiap pelajar juga dapat memberikan sepenuh tumpuan kepada pembelajaran serta sentiasa berusaha menyediakan diri dengan ilmu dan kemahiran yang terbuka

luas di gedung ilmu ini," katanya dalam teks ucapan beliau di majlis ikrar dan akujanji pelajar baharu Fakulti Pertanian Lestari UMS Sandakan di sini hari ini, yang dibacakan Penolong Naib Canselor Prof Dr Marcus Jopony.

Menurut Yap, para pelajar perlu memanfaatkan setiap ruang dan peluang yang telah disediakan untuk bekalan tambahan alam kehidupan selepas bergelar graduan kelak. -Bernama